

TARIKH	4 110 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	12	RUANGAN	14810na1

## 14,700 jemaah berada di Makkah

**MAKKAH** - Seramai 14,700 jemaah haji Malaysia atau 53 peratus daripada 28,000 jemaah tahun ini sudah berada di Tanah Suci untuk menunaikan ibadat umrah dan haji.

Ketua Rombongan Haji Malaysia, Datuk Syed Saleh Syed Abdul Rahman berkata, pada masa ini, 6,500 jemaah berada di Madinah dan selebihnya mula menunaikan umrah di Makkah.

"42 penerbangan telah berlepas dari Malaysia dan tinggal 35 penerbangan lagi. Sejak 30 September, semua penerbangan akan mendarat di Jeddah dan penerbangan ke Madinah dihentikan...mereka akan berhram dari Jeddah dan akan terus ke Makkah menaiki bas," katanya.

Katanya, setiap hari, 1,000 jemaah haji Malaysia akan memasuki Makkah dari Madinah dan mereka ditempatkan di 13 hotel yang disewa sekitar Masjidil Haram.

Beliau bersyukur kerana tiada masalah setakat ini walaupun terdapat khabar angin wabak penyakit Sindrom Pernafasan Akut Teruk (SARS) di Tanah Suci.

"Tabung Haji telah buat perjumpaan dengan Pengarah Bahagian Penyakit Berjangkit Kementerian Kesihatan Arab Saudi dan dimaklumkan tidak perlu risau dengan mana-mana wabak kerana sehingga ini tidak ada satu kes yang menyerang jemaah haji dari mana-mana negara," katanya.

Jumlah kes kesihatan yang dirujuk kepada klinik dan hospital Tabung Haji di Tanah Suci juga amat kecil berbanding tahun sebelumnya meliputi masalah biasa seperti selesema, batuk dan sakit kulit akibat cuaca kering.

"Nasihat saya untuk bakal-bakal haji supaya bersiap sedia dari segi mental, fizikal, kerohanian dan ilmu kerana kemungkinan untuk mereka berdepan tekanan emosi itu ada, kemurungan...keadaan fizikal juga penting kerana banyak tenaga diperlukan untuk berjalan jauh," katanya. -Bernama